




**ZULFAQAR Journal of
Defence Management, Social Science & Humanities**

Journal homepage: zulfaqar.upnm.edu.my



KRISIS PERLEMBAGAAN PERAK 2009 DAN KESAN TERHADAP PERPADUAN NASIONAL

THE PERAK CONSTITUTION CRISIS 2009 AND ITS IMPACT ON NATIONAL UNITY

Noor Hishmuddian Rahim^{a,*}, Mohammed Feizol Anuar Hj Ayub^b, Mohd Radzi Hj Hamid^b,
Ahmad Saifuddin Talha^b, Farizal Myeor^b, Mohd Najib Saad^b, Mohd Zaki Abu^b, Hamidi Hashim^b

^a Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

^b Maktab Ketahanan Nasional

*Corresponding author: noorhishmuddian@upnm.edu.my

ARTICLE INFO

Article history:

Received

16-07-2020

Received in revised

05-08-2020

Accepted

05-11-2020

Available online

12-11-2020

Keywords:

Airpower, maritime zones, Malaysia, non-conventional security, defence and security cooperation

e-ISSN: [10.24127/zulfaqar.v1i1.12345](https://doi.org/10.24127/zulfaqar.v1i1.12345)

Type: Article

ABSTRAK

Kertas ini bertujuan untuk mengenal pasti punca krisis Perlembagaan Perak. Selain itu, kertas ini untuk mengkaji kesahihan penglibatan Raja Berpelembagaan dan implikasinya terhadap penubuhan kerajaan Negeri Perak. Kertas ini juga menganalisa peranan badan kehakiman dalam menyelesaikan isu kepimpinan politik di Perak. Kertas ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan dua kaedah penyelidikan iaitu pemeriksaan terhadap politik-sejarah dan analisis kandungan pada bahan sekunder. Kaedah tersebut digunakan untuk memahami keadaan dan menentukan prosedur dengan berkesan untuk menjawab isu-isu tersebut. Kertas ini menunjukkan bahawa krisis itu adalah disebabkan oleh tindakan tiga wakil rakyat yang telah melompat parti. Akibatnya, ia membawa kepada keruntuhan kerajaan yang dipilih oleh rakyat dan perpecahan perpaduan di kalangan rakyat. Kajian ini juga mendapati bahawa Sultan Perak telah bertindak di luar kuasa yang dibenarkan oleh Undang-undang Tubuh Negeri Perak. Tambahan pula badan kehakiman memainkan peranan penting dalam menentukan kelayakan Menteri Besar. Kes ini telah memberi kesan kepada perpaduan nasional pada peringkat negeri mahupun pada peringkat Persekutuan.

ABSTRACT

This paper aims to identify the root causes of the Perak Constitution crisis. In addition, this paper is to examine the legitimacy of the involvement of the Constitutional King and its implications for the establishment of the Perak State government. This paper also analyzes the role of the judiciary in resolving political leadership issues in Perak. This paper uses a qualitative approach with two research methods namely examination of political-history and content analysis on secondary materials. The method is used to understand the situation and determine the procedure effectively to answer those issues. This paper shows that the crisis is due to the actions of three elected representatives who have jumped the party. As a result, it led to the collapse of the government elected by the people and the division of unity among the people. This study also found that the Sultan of Perak has acted outside the powers allowed by the Perak State Constitution. In addition, the judiciary plays an important role in determining the qualifications of the Menteri Besar. This case has affected national unity at the state level as well as at the Federal level.

1.0 Introduction

Salah satu krisis perlembagaan di Malaysia adalah krisis perlembagaan Perak yang telah berlaku pada tahun 2009. Krisis ini telah mencabar kesahihan kerajaan negeri Perak dan kesahihan pelantikan Menteri Besar. Ia bermula daripada keputusan Pilihanraya Umum (PRU) ke 12, kerajaan negeri dibentuk oleh Pakatan Rakyat (PR) yang telah memenangi majoriti kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Perak. Sungguhpun PR memenangi majoriti kerusi DUN, jumlah perbezaan kerusi yang dimenangi sangat kecil. BN hanya memerlukan tiga kerusi sahaja untuk membolehkan mereka menubuhkan kerajaan baru di Perak.

Tiga orang ahli DUN daripada PR (2 orang ahli daripada PKR dan seorang ahli DAP) telah bertindak keluar parti dan mengisytiharkan diri mereka sebagai bebas. Menteri Besar telah mengadap Sultan Perak untuk menyembah maklum keadaan sebenar dan memohon untuk membubarkan DUN supaya pilihanraya baru boleh diadakan bagi memilih kerajaan baru. Sebaliknya, Sultan Perak tidak membenarkan pembubaran DUN dan Menteri Besar dikehendaki meletak jawatan atau jawatan tersebut akan dikosongkan (Nizar, 2009 dan Suhana, 2012).

Pada masa yang sama, Timbalan Perdana Menteri Malaysia merangkap Ketua Perhubungan BN Negeri Perak telah mengadap Sultan Perak untuk menyembah maklum bahawa BN telah mendapat kepercayaan majoriti ahli DUN untuk menubuh kerajaan baru. Lantas, pada 6 Februari 2009, Menteri Besar yang baru telah mengangkat sumpah. Majlis tersebut telah mendapat bantahan daripada pelbagai pihak sama ada peringkat nasional mahu pun negeri (Jaclyn, 2012). Isu pemecatan Menteri Besar telah dicabar di Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan. Akhirnya, Mahkamah Persekutuan (yang merupakan mahkamah tertinggi di Malaysia) telah memutuskan Menteri Besar yang dilantik oleh BN merupakan Menteri Besar yang sah (Martin, 2010). Manakala Menteri Besar yang dilantik oleh PR dilucut jawatan. Justeru, persoalan yang dibangkitkan dalam krisis ini sama ada perlembagaan Perak memberi kuasa kepada Sultan untuk memecat Menteri Besar tanpa ada undi tidak percaya dalam DUN. Apakah peranan yang dimainkan oleh Mahkamah dalam mengesahkan pelantikan Menteri Besar baru. Apakah kesan krisis ini terhadap perpaduan nasional terutama kesatuan rakyat Perak. Perbincangan menjurus kepada dapatan sumber-sumber terdahulu bagi menjawab setiap persoalan yang telah dinyatakan.

Tujuan kertas ini adalah untuk mengenalpasti faktor utama penyebab krisis perlembagaan ini. Selain itu, kertas ini juga akan mengkaji kuasa dan peranan Sultan dalam pemecatan Menteri Besar Perak. Kertas ini akan menganalisa peranan mahkamah dalam menyelesaikan isu kepimpinan bagi negeri Perak. Seterusnya, kertas ini akan mengenalpasti kesan krisis tersebut terhadap perpaduan nasional. Kajian ini akan menggunakan metod kualitatif secara penyelidikan perpustakaan. Data sekunder akan ditafsirkan menggunakan analisa kandungan (content analysis). Metod ini digunakan untuk memahami situasi sebenar isu tersebut dan dapat memastikan prosedur yang sebenar menjawab persoalan kajian. Kertas ini akan bermula dengan menerangkan gambaran umum permasalahan yang berlaku. Bahagian kedua akan menerangkan latar belakang sejarah krisis, dan seterusnya mengkaji kuasa dan peranan Sultan dalam krisis ini. Bahagian keempat pula akan menganalisa tentang peranan mahkamah dan disusuli dengan kesan terhadap perpaduan nasional yang disebabkan oleh krisis ini. Bahagian terakhir akan merumuskan perbincangan yang dibincangkan sebelum ini.

Krisis ini bermula daripada keputusan PRU ke 12 yang membawa kepada kekalahan BN di Perak. Pada PRU kali ini, BN berhadapan dengan parti pembangkang yang terdiri daripada gabungan yang menggunakan nama Pakatan Rakyat (PR) terdiri daripada Parti Keadilan Rakyat (PKR), *Democratic Action Party* (DAP) dan Parti SeIslam Malaysia (PAS). BN gagal mengekalkan majoriti dua pertiga di dalam DUN dan seterusnya gagal membentuk kerajaan di negeri Perak. Atas alasan itu, Perak telah diperintah oleh kerajaan yang ditubuhkan oleh PR dengan majoriti yang kecil iaitu sebanyak PR dengan 31 kerusi dan BN 28 kerusi DUN (Othman, 2008).

Susulan itu, pada 19 Ogos 2008, Badan Pencegahan Rasuah Malaysia (BPR) telah menahan dua orang wakil rakyat daripada PR iaitu YB Jamaludin (ADUN Behrang) dan YB Osman (ADUN Changkat Jering) atas dakwaan rasuah bernilai RM 180 juta. Pada 25 Januari 2009, ADUN Bota pula telah meninggalkan UMNO untuk menyertai PKR. Pada ketika itu, penguasaan PR dalam DUN meningkat kepada 32 kerusi, manakala BN menurun kepada 27 kerusi. Pada 1 Februari 2009, kedua-dua ADUN Behrang dan Changkat Jering telah dilaporkan hilang. Pada 2 Februari 2009, Menteri Besar yang dilantik oleh PR iaitu Nizar Jamaludin telah

mengadap Sultan Perak bagi mempersembahkan dua pucuk salinan surat perletakan jawatan ADUN Behrang dan ADUN Changkat Jering bertarikh 30 Jan 2009. Bersama surat tersebut, dibawa juga surat daripada YDP DUN (Speaker) YB Sivakumar kepada Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) mohon dilaksanakan pilihanraya kecil (PRK) bagi kedua-dua DUN tersebut. Namun, permohonan Speaker untuk diadakan PRK ditolak oleh SPR. Dalam pada itu juga, BN Perak masih dalam proses memerangkap beberapa wakil rakyat PR untuk menganggotai BN.

Kemudian, pada 4 Februari 2009, ADUN Behrang, ADUN Changkat Jering dan ADUN Jelapang iaitu YB Hee Yit Fong daripada DAP pula telah mengesahkan bahawa mereka meletak jawatan dari parti masing-masing dan menyokong BN. Lebih memburukkan keadaan, ADUN Bota telah kembali semula ke pangkuan UMNO. Ini menjadikan BN dan tiga orang wakil bebasnya mempunyai 31 kerusi berbanding PR dengan 28 kerusi. Oleh itu, BN layak untuk membentuk kerajaan negeri baru. Kemudian, Nizar Jamaludin telah mengadap Sultan memohon agar DUN Perak dibubarkan bagi memberi laluan kepada pilihanraya negeri dan seterusnya memilih kerajaan baru secara sah. Pada sebelah petang, hari yang sama, Najib Tun Razak bersama-sama tiga orang ADUN bebas telah mengadap Sultan Perak dan seterusnya memohon untuk menubuhkan kerajaan baru. Pada 5 Februari 2009, Sultan Perak telah memanggil Nizar Jamaludin mengadap dan memaklumkan permohonan pembubaran DUN tidak dibenarkan dan beliau dikehendaki meletak jawatan. Seandainya, Nizar Jamaludin enggan meletak jawatan, jawatan Menteri Besar akan dikosongkan. Kemudian, pada 6 Februari 2009, Zambry Kadir telah mengangkat sumpah sebagai Menteri Besar Perak yang baru dilantik oleh BN. Dengan pengangkatan sumpah Menteri Besar baru ini, maka bermula krisis perlembagaan Perak yang berpunca apabila tiga wakil rakyat PR telah menjadi bebas dan menyebelahi BN.

2.0 Kuasa Dan Peranan Sultan Dalam Krisis

Sistem beraja yang digunapakai di Malaysia adalah sistem Raja Berperlembagaan (*Constitutional Monarchy*). Ini bermaksud Yang DiPertuan Agong atau Sultan diiktiraf sebagai ketua negara atau negeri oleh Perlembagaan Persekutuan atau Perlembagaan Negeri dengan mempunyai kuasa yang terhad sebagaimana yang diperuntukan oleh Perlembagaan (Harding, 2012 dan Bernama, 2017). Kuasa eksekutif yang diperolehi oleh Sultan tidak sama seperti kuasa eksekutif yang dimiliki oleh DUN. Perlembagaan Negeri memberi kuasa kepada Sultan mengenai perkara yang boleh dilaksanakan. Justeru, persoalannya adakah Undang-undang Tubuh Negeri Perak memberi kuasa kepada Sultan untuk memecat Menteri Besar dan apakah peranan Sultan dalam krisis ini.

Artikel 18 (1) Undang-Undang Tubuh Negeri Perak mengiktiraf Sultan sebagai ketua negeri yang akan bertindak atas nasihat DUN kecuali dalam perkara di mana Undang-undang Tubuh Negeri Perak memperuntukkan bahawa Sultan boleh bertindak atas budi bicara baginda semata-mata. Artikel 18 (2) pula adalah peruntukan untuk Sultan melantik Menteri Besar dan atas kuasa budi bicaranya boleh menangguhkan permohonan pembubaran DUN. Sebaik saja Menteri Besar dilantik, beliau dan majlis exconya bertanggungjawab kepada DUN. Manakala Artikel 16 (6) pula mensyaratkan bahawa DUN merupakan pihak yang menentukan sama ada ia menaruh keyakinan terhadap Menteri Besar selaku Ketua Majlis Eksekutif menerusi undi tidak percaya terhadap Menteri Besar. Artikel 16 (7) memperuntukkan bahawa kecuali Menteri Besar, anggota-anggota lain Majlis Eksekutif memegang jawatan atas perkenan Sultan dan mereka (anggota eksekutif) boleh dipecat dari jawatan oleh Sultan yang bertindak atas nasihat Menteri Besar. Artikel 36 (2) pula memperuntukkan Sultan untuk memanggil DUN bersidang atau membubarkan DUN. Setelah meneliti peruntukan perundangan sedia ada, bidang kuasa Sultan untuk membubarkan DUN terdapat dalam dua proviso undang-undang iaitu (1) Artikel 16 (6) dan; (2) Artikel 36 (2) Undang-Undang Tubuh Negeri Perak.

Bagi menentukan sokongan terhadap kerajaan PR, hanya ada dua ujian sahaja yang perlu dilaksanakan; (1) membubarkan DUN dan mengadakan pilihanraya negeri; atau (2) usul tidak percaya dalam DUN. Salah satu ujian ini mesti dilakukan bagi menentukan sokongan terhadap Menteri Besar dan kerajaan PR. Malangnya, kedua-dua ujian ini tidak dijalankan. Malah, Sultan memecat Menteri Besar berpandukan kepada Artikel 36 (2). Sungguhpun dikatakan bahawa Zambry Kadir mendapat sokongan majoriti anggota DUN, ini tidak bermakna Sultan boleh membuat keputusan bahawa Nizar Jamaludin tidak lagi mendapat keyakinan majoriti DUN. Pendapat peribadi atau keputusan Sultan tidak selari dengan maksud Artikel 16 (6) yang memperuntukkan bahawa "jika Menteri Besar tidak lagi mendapat keyakinan majoriti anggota dewan undangan, maka, kecuali atas permintaannya, Sultan membubarkan dewan, beliau dikehendaki mengemukakan peletakan jawatan majlis eksekutif". Tiada satu peruntukan perundangan

yang membolehkan Sultan memecat Menteri Besar atas alasan telah hilang sokongan majoriti ADUN tanpa membubarkan DUN terlebih dahulu. Seperti yang dikatakan dalam buku berjudul "Constitutional Monarchy, Rule of Law and Good Governance" (Selected essays and speeches), oleh HRH Sultan Azlan Shah, disunting oleh Professor Dato' Seri Visu Sinnadurai, tahun 2004, "*under normal circumstances, it is taken for granted that the Yang di Pertuan Agong would not withhold his consent to a request for the dissolution of Parliament. His role is purely formal*" (Sultan Azlan, 2004). Atas alasan tersebut, Sultan tidak mempunyai kuasa untuk memecat Menteri Besar atas andaian hilang kepercayaan majoriti DUN. Undang-Undang Tubuh Negeri Perak tidak memberi kuasa kepada Sultan untuk memecat Menteri Besar. Justeru, tindakan Sultan jelas telah bertentangan dengan Undang-undang Tubuh Negeri Perak.

Seperti mana yang diujulkan pula oleh Professor Datuk Dr. Ramlah Adam, Pengarah Institut Kajian Institusi Raja, Kepimpinan dan Komuniti Universiti Malaysia Perlis, sistem pemerintahan beraja di negara ini memainkan peranan penting dalam mengimbangi sistem pemerintahan demokrasi kerana raja-raja sangat berkecuali dalam segala hal terutama hal politik, ekonomi dan dasar negara (Bernama, 2017). Institusi raja, tidak menyebelahi mana-mana pihak dan ia tidak ada parti politik. Beliau juga berkata "menjatuhkan dan menaikkan sesuatu kerajaan dengan cara-cara lain adalah bertentangan dengan Perlembagaan, menghakis kedaulatan undang-undang dan membawa risiko membentuk sebuah kerajaan yang tidak sah." Namun, berdasarkan senario di Perak, hujah-hujah ini tidak terpakai. Hujah-hujah ini hanya retorik semata-mata. Sekiranya Sultan mengikut peruntukan dalam Undang-undang Tubuh Negeri Perak, sudah pasti kerajaan BN tidak dapat ditubuhkan.

3.0 Peranan Badan Kehakiman Dalam Krisis Di Perak

Pelantikan Menteri Besar dalam krisis di Perak telah dicabar di mahkamah. Keputusan kehakiman untuk kes ini telah menjadi isu yang diperdebatkan dan akibatnya menjadi *precedent* dalam kes undang-undang. Terdapat tiga keputusan kehakiman dari tiga mahkamah yang berbeza. Pada 9 Mei 2009, di Mahkamah Tinggi seperti yang dinyatakan dalam Rayuan Sivil, telah memihak kepada Nizar Jamaludin dan memutuskan bahawa beliau masih Menteri Besar Perak (2010). Dalam penghakiman itu, Mahkamah Tinggi antara lain mendapati bahawa Menteri Besar telah menasihatkan Sultan supaya DUN dibubarkan tetapi tidak dibenarkan. Kemudian, undi tidak percaya oleh DUN terhadap Menteri Besar juga tidak dilaksanakan. Pada masa itu juga, Menteri Besar tidak meletak jawatan atau mengosongkan jawatannya sebagai Menteri Besar (2011).

Kemudian pada 12 Mei 2009, Mahkamah Rayuan telah memberikan Zambray Kadir satu penggantungan pelaksanaan keputusan Mahkamah Tinggi yang membuatkan Zambray Kadir kekal memegang jawatan Menteri Besar Perak sementara menunggu rayuan dari Mahkamah Rayuan. Pada 22 Mei 2009, Mahkamah Rayuan membatalkan keputusan Mahkamah Tinggi dan mengisytiharkan Zambray Kadir sebagai Menteri Besar Perak yang sah. Kes itu kemudian dibawa ke Mahkamah Persekutuan dan pada 9 Februari 2010, Mahkamah Persekutuan telah menolak rayuan Nizar untuk mendapatkan kembali jawatan Menteri Besar (The Malayan Law Journal, 2010).

Keputusan Mahkamah Rayuan dalam memberikan penangguhan pelaksanaan keputusan Mahkamah Tinggi kepada Zambray Kadir yang dibuat dengan cepat, telah menimbulkan persoalan. Keputusan tersebut dibuat selepas 11 hari Mahkamah Tinggi mengeluarkan penghakiman. Lazimnya, mahkamah di Malaysia akan mengambil masa yang panjang untuk mengendalikan sesuatu kes, tetapi dalam kes ini, Mahkamah Rayuan mengambil masa yang singkat untuk membuat keputusan yang memberi kelebihan kepada BN. Disusuli pula dengan keputusan Mahkamah Persekutuan, jelas menunjukkan cara badan kehakiman tersebut bertindak menangani krisis perlembagaan di Perak. Keputusan itu dikatakan "tidak rasional", kekurangan hujah yang munasabah, dan berlawanan dengan prinsip keadilan (Hongi, 2014).

Bercakap pada Persidangan Kebangsaan mengenai integriti di Kuala Lumpur pada 2011, Sri Ram berkata: "Badan kehakiman sangat berminat untuk membantu eksekutif dan apabila anda membengkokkan undang-undang untuk membantu eksekutif, ini menyebabkan keputusan yang tidak masuk akal" (Bernama, 2017). Keputusan Mahkamah Persekutuan telah terpahat dalam sistem kehakiman di Malaysia, tetapi yang jelas, ia adalah langkah badan kehakiman membantu kerajaan BN berkuasa.

Dalam penghakiman Mahkamah Persekutuan, panel hakim menghujahkan bahawa Sultan tidak perlu bertindak atas nasihat Majlis Eksekutif untuk membubarkan DUN. Keputusan membubarkan atau tidak DUN adalah kuasa budi bicara Sultan sepenuhnya. Hujah ini telah menolak rayuan Nizar. Tetapi,

menurut Koon Yew Yin (2012), alasan penghakiman tersebut sangat kontroversial. Mahkamah Persekutuan gagal meneliti Artikel 16 (6), Artikel 18 (2) dan Artikel 36. Ketiga-tiga artikel ini perlu dibaca bersama-sama dan bukan secara berasingan. Beliau juga berpendapat Mahkamah Persekutuan gagal untuk mempertimbangkan kehendak rakyat. Rakyat Perak merasa kecewa terhadap keputusan Mahkamah kerana telah mengabaikan kehendak rakyat. Ini diperkukuhkan lagi dengan kajian yang dilaksanakan oleh Merdeka Centre bahawa pengundian pengundi berdaftar di Perak menunjukkan bahawa 76 peratus responden merasakan bahawa rakyat memilih pilihan raya untuk memutuskan pihak yang membentuk kerajaan di Perak (Merdeka Centre, 2009).

Azmi Sharom (2018) pula menegaskan bahawa dalam demokrasi parlimen, eksekutif dibentuk oleh badan perundangan. Menurutnya, kehendak rakyat tercermin dalam badan perundangan, dan oleh sebab itu perubahan dalam eksekutif harus dilakukan melalui badan legislatif. Apa jua keadaan sekalipun, keputusan Mahkamah Persekutuan tetap sah. Jelas sekali tanpa sokongan daripada badan kehakiman, Zambry tidak kekal sebagai Menteri Besar Perak. Oleh yang demikian, dalam kes ini, badan kehakiman telah memainkan peranan penting. Ia digunakan untuk menghalalkan kuasa BN di Perak.

4.0 Kesan Krisis Di Perak Terhadap Pepaduan Nasional

Pasca krisis perlembagaan di Perak pada 2009, telah memperlihatkan beberapa kesan kepada perpaduan nasional. Antaranya:

Perpecahan di kalangan orang Melayu

Perpecahan di kalangan Melayu semakin ketara. Orang Melayu telah berpecah kepada beberapa kumpulan. Ia membawa kepada penentangan sesama pemimpin politik Melayu sendiri. Ia juga memperlihatkan orang Melayu tidak boleh bersatu dan bekerjasama dalam hal politik terutamanya yang berkaitan kuasa (Suhana et al, 2012 dan M. Bakri, 2009). Pemimpin-pemimpin Melayu dalam UMNO telah menyalahkan antara satu sama lain atas pencapaian buruk dalam PRU ke-12 di Perak. Pelbagai tohmahan dilemparkan kepada pemimpin Melayu di Perak; antara lain, sabotaj daripada pengundi-pengundi, ketidakpuasan hati kerana tidak tercalon, pucuk pimpinan UMNO yang lemah dan sebagainya (Norhayati, 2008). UMNO juga dilihat gagal menangani masalah-masalah yang dihadapi oleh orang Melayu akibat daripada kelemahan strategi dan pelaksanaan perancangan.

Kepercayaan rakyat terhadap ahli politik menurun

Kemelum politik di Perak telah menyebabkan kepercayaan rakyat terhadap ahli politik menurun. Menurut Durie Rainer Fong (2020), tahap kepercayaan mereka telah berada di tahap yang paling rendah. Rakyat telah bosan dengan mainan politik di Perak. Tiga orang wakil rakyat PR telah melompat parti sekaligus menyebabkan kerajaan PR tumbang. Perbuatan ini telah mengkhianati mandat dan kepercayaan pengundi mereka. Rakyat telah merasa kecewa dengan drama politik wakil rakyat yang melompat parti. Menurut Arnold Puyoh (2020) penubuhan kerajaan BN di Perak disifatkan sebagai kerajaan 'pintu belakang' yang tidak sah dan tidak mengikut perlembagaan. Isu lompat parti juga berkait rapat dengan integriti. Lazimnya, wakil rakyat yang melompat parti adalah untuk mendapatkan kedudukan atau sesuatu yang baik. Sekiranya mereka tidak terpilih sebagai exco atau menteri kebarangkalian untuk melompat parti adalah cerah terutama apabila mendapat umpan yang baik daripada parti yang satu lagi. Rakyat akan melihat wakil rakyat yang melompat parti sebagai individu yang tidak berintegriti, tiada kesetiaan kepada parti dan pengundi serta mementingkan diri sendiri.

Perasaan saling mencurigai antara kaum

Asas penting kejayaan sesebuah negara berbilang kaum seperti Malaysia adalah dengan memupuk keharmonian, integrasi dan perpaduan kaum. Apabila antara kaum tidak sepakat dan saling mencurigai antara satu sama lain, Malaysia tidak akan aman. Orang Melayu telah mula berpecah kepada beberapa kumpulan dengan memperjuangkan 'Ketuanan Melayu'. Masyarakat Cina pula yang sebahagian besarnya bersama DAP mula gelojoh dengan kuasa yang mereka ada. Mereka mula mempersoalkan Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan. Malah, PAS tidak boleh berbuat apa-apa dan begitu tumpul di Perak. Manakala kaum India masih berpendirian terus setia dan bersama dengan perjuangan BN. Mereka akan terus menyokong sebarang tindakan dan langkah diambil BN untuk menyelamatkan negara daripada fiasco politik. Sekiranya perkara ini tidak ditangani dengan baik, ia hanya akan menjadi bom jangka yang sedang menunggu masa untuk meletup.

Menjadi ikutan masa hadapan

Penubuhan kerajaan BN mengikut pintu belakang akan menjadi ikutan pada masa akan datang. Ini telah terbukti setelah 10 tahun krisis di Perak berlaku, perkara yang sama telah berlaku di peringkat persekutuan. Pada tahun 2020, kerajaan yang ditubuhkan oleh Pakatan Harapan (PH) telah tumbang dan digantikan dengan kerajaan Perikatan Nasional (PN) yang menggabungkan parti BN, PAS, PPBM dan segelintir ahli PKR yang telah lompat parti (Periasamy, 2020). BN dan Pas yang telah gagal dalam pilihanraya yang ke 14 untuk membentuk kerajaan telah mendapat peluang kali kedua bersama-sama PPBM dan segelintir ahli PKR. Mereka menggunakan modus operandi yang sama sebagaimana digunakan oleh BN semasa merampas Perak. Ini menunjukkan bahawa krisis perlembagaan di Perak telah menjadi ikutan dahuluan (precedent) kepada kerajaan di Malaysia. Tidak mustahil, ia akan berterusan menjadi ikutan.

5.0 Kesimpulan

Pengambil alihan kuasa di negeri Perak telah dilihat sebagai kurang demokratik dan menyebabkan kerajaan BN di Perak mengalami krisis legitimasi yang serius. Seharusnya bagi membentuk kerajaan baru, pilihan raya semula perlu diadakan. Daripada perbincangan di atas, dapat dirumuskan bahawa perebutan kuasa masih berlaku daripada dahulu hingga sekarang. Keadaan ini lebih rumit dengan pelbagai penentangan terhadap pucuk pimpinan negara seperti perebutan kuasa dan konflik dalaman parti yang ternyata semakin memecah belahkan rakyat. Ketegangan politik di Perak menyukarkan lagi proses pembinaan negara seperti yang dihasratkan. Kesan melompat parti amat besar. Walaupun parti yang diwakili sebelum itu berjaya membentuk kerajaan, tetapi tindakan melompat parti menyebabkan PR gagal mengekalkan kuasa. Kerajaan Perak bertukar tangan kepada BN. Tindakan sedemikian disifatkan sebagai '*political breaker and political maker*'. *Political breaker* bermakna tindakan meruntuhkan atau menjatuhkan kerajaan yang sedia, di mana parti yang memerintah telah kehilangan majoriti dalam DUN untuk terus kekal berkuasa. Pihak yang mendapat sokongan pula boleh mendapat majoriti untuk mengambil alih kuasa, yang mana tindakan ini disifatkan sebagai *political maker*. Pemimpin parti perlu melihat fenomena melompat parti sebagai sesuatu yang sangat bahaya kepada parti. Wakil rakyat mesti bertanggungjawab kepada parti dan pengundi. Wakil rakyat tidak hanya mementingkan kuasa dan kekayaan sehingga sanggup menggadaikan prinsip, maruah, integriti dan kewibawaan masing-masing.

Perpaduan nasional dilihat masih lagi jauh untuk dicapai dan menjadi permasalahan utama di Malaysia. Siri perpecahan sesama Melayu ini mengakibatkan kegagalan kepada idea pembinaan negara Bangsa Malaysia. Hal ini kerana orang Melayu selaku pribumi dan penduduk majoriti di negara ini masih lagi tidak mampu untuk mencapai kata sepakat secara bersama dan gagal untuk bersatu. Dalam pada itu, wakil rakyat juga boleh berperanan ke arah pembentukan negara-bangsa seperti apa yang disarankan oleh Lee Lam Thye (1998:51) dalam kenyataan berikut:

All Members of Parliament have responsibilities to the nation and the people to strengthen and promote national unity. It is hoped that all parliamentarians will respond positively to the King's advice and contribute constructive ideas and suggestions to achieve the desired objective.

Oleh itu, perpaduan nasional amat penting bagi memastikan keselamatan negara sentiasa terjamin.

RUJUKAN

- Andres, M. A. (1999). 'Explaining "camisetazos": the logic of party switching in the Ecuadorian Congress (1979-1996)', *Proceeding for the 57th Annual Meeting of the Midwest Political Science Association, Chicago*. p. 2.
- Azmi, S. (2018). Law and the Judiciary: Divides and Dissent in Malaysia. (Artikel Atas Talian) https://repository.kulib.kyoto-u.ac.jp_dspace_bitstream-sas73391.pdf. Diakses pada 15 Feb 2020.

- Aliran, A. (2011). A Compromised Judiciary. (Artikel Atas Talian) <https://aliran.com/aliran-monthly/2011-issues/2011-1/a-compromised-judiciary/>. Diakses pada 15 Feb 2020.
- Audrey, Q. (eds). (2010). *Perak – A State of Crisis*. Published on Loyarburok.com
- Ahmad Fauzi, A. H., Muhamad Takiyuddin, I. (2012). The Monarchy and Party Politics in Malaysia in the Era of Abdullah Ahmad Badawi (2003–09): The Resurgence of the Role of Protector. *Asian Survey*, 52(5), p. 900-923.
- Andrew, H. (2012). *The Constitution of Malaysia: A Contextual Analysis*. Hart Publishing, UK
- Bernard, M. (2019). Best political systems revolve around parties and not personalities. (Artikel Atas Talian) <https://www.standardmedia.co.ke/article/2001341677/how-strong-political-parties-lead-to-good-politics>. Diakses pada 20 Feb 2020.
- Bernama, (2017). Uniknya Sistem Pemerintahan Beraja Malaysia, mari baca dan ketahuinya. FMT News. (Artikel Atas talian) <https://www.freemalaysiatoday.com/category/leisure/2017/04/23/uniknya-sistem-pemerintahan-beraja-malaysia-mari-baca-dan-ketahuinya/>. Diakses pada 17 Feb 2020.
- Dato' Seri Ir Hj Mohammad Nizar bin Jamaluddin v Dato' Seri Dr. Zambry bin Abdul Kadir, (Attorney General, intervener) Federal Court, Malaysia, *The Malayan Law Journal*, [2010] 2 MLJ 285.
- Dato' Seri Ir. Haji Mohammad Nizar Jamaluddin. (2009). Krisis Perlembagaan Negeri Perak. (Artikel Atas talian) <http://kamparinn.blogspot.com/2009/02/krisis-perlembagaan-negeri-perak.html>. Diakses pada 26 Feb 2020.
- Datuk Amir Kahar bin Tun Datu Haji Mustapha v Tun Mohd Said bin Keruak Yang di-Pertua Negeri Sabah, *The Malayan Law Journal*, [1995] 1 MLJ 169.
- Datuk M Periasamy. (2020). Kerajaan perpaduan mampu selesai kemelut politik negara. Berita Harian <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/02/659202/kerajaan-perpaduan-mampu-selesai-kemelut-politik-negara>. Diakses pada 3 Mac 2020.
- FMT Reporters, (2019). You're wrong on party-hopping, MP tells Dr. M. (Artikel Atas Talian) <https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2019/10/05/youre-wrong-on-party-hopping-mp-tells-dr-m/>. Diakses pada 26 Feb 2020.
- Federal Constitution, Article 71, Eight Schedule, Provision to be inserted in State Constitutions.
- Hira Habib, Democracy in theory and practice (22 August 2016). *The Express Tribune*. (Artikel Atas Talian) <https://tribune.com.pk/story/1167157/democracy-theory-practice/>. Diakses pada 21 Mac 2020.
- Horner, J. (2003). *Morality, Ethics, and Law: Introductory Concepts*. Thieme Medical Publishers, Inc., 333 Seventh Avenue, New York, NY 10001, USA.
- Lee, H. P. (2017). *Constitutional Conflict in Contemporary Malaysia*, Kuala Lumpur: Oxford University Press
- Hongyi, C. (2014). *Constitutionalism in Asia in the Early Twenty-First Century*. Cambridge University Press.
- Jaclyn, L. C. N. (2012). Change and Continuity: The Constitutional Head of State and Democratic Transitions in Malaysia. *The Malayan Law Journal*. 5 MLJ (Artikel Atas Talian) https://www.researchgate.net/publication/228153924_Change_and_Continuity_The_Constitutional_Head_of_State_and_Democratic_Transitions_in_Malaysia. Access on 19 Oct 2019. Diakses pada 21 Mac 2020.
- Jaclyn, L. C. N. (2012). From the Perak Crisis to the G.E: Lessons in Democracy. *LoyarBuruk.com* (Artikel Atas Talian) <https://www.loyarburok.com/2012/04/07/democratization-rakyat-revisiting-perak-crisis>. Diakses pada 21 Mac 2020.
- Jeans, D. (1994). *The Politic of Australia*. Paul & Co Pub Consortium. p. 123-135.
- Khoo, Y. Y. (2012). Reminder Perak Constitutional Crisis. Malaysian Insider. (Blog Atas Talian) <https://blog.limkitsiang.com/2012/10/03/reminder-of-perak-constitutional-crisis/>. Diakses pada 21 Mac 2020.
- Koon, Y. Y. (2012). Learning from the Perak Constitutional Crisis. (Artikel Atas Talian) <https://www.malaysiakini.com/letters/210556>. Diakses pada 21 Mac 2020.

- Lu, W. H. (2019). 10 years after Perak Crisis: Would an anti-hopping law be. *Malaysiakini* (Artikel Atas Talian) https://pages.malaysiakini.com/Perak_crisis_2009/en/article_1/effective? Diakses pada 25 Feb 2020.
- Lee, L. T. (1998). *As I was saying: Viewpoints, thoughts and aspirations of...*. Subang Jaya, Selangor: Pelanduk Publications
- Malike Brahim, M. F. S., & Musliza, M. (2013). Peranan Wakil Rakyat Dalam Parti Politik: Isu Dan Cabaran. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategy*, 40(1), p. UKM: 91-115.
- Maoka Maore, (2019). Democracy is not just about winning and losing elections. (Artikel Atas Talian) <https://www.standardmedia.co.ke/article/2001341963/democracy-is-not-just-about-winning-and-losing-elections>. Diakses 21 Feb 2020.
- Musa, M. B. (2009). The Lesson from Perak. (Blog Atas Talian) <http://rockybru2.blogspot.com/2009/05/bakri-musas-take-on-perak.html>. Diakses pada 23 Feb 2020.
- Martin, J. (2010). On the Judiciary's Failure – Justice is done in by the Federal Court. (Blog Atas Talian) <http://www.magickriver.org/2010/02/martin-jalleh-on-judiciarys-failure.html>. Diakses pada 21 Mac 2020.
- Norhayati, M. S. (2008). *Pilihanraya Umum KE 12 (PRU12): "Tsunami" Politik Melayu?* Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Pasca Pilihan raya Umum Ke 12 (PRU12) di Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi UiTM Shah Alam.
- Othman, M. H. (2008). "Opposition wins in Perak". *New Straits Times*. (Artikel Atas Talian). https://nst.com.my/opposition_wins_in_Perak. Diakses pada 21 Mac 2020.
- Perak State Opinion Survey, Merdeka Centre (2009), (Artikel Atas Talian) <https://www.scribd.com/document/12311524/Perak-Crisis-Poll-Survey-Findings-English>. Diakses pada 14 Feb 2020.
- Sarah, M. (2003). *Politician Overboard: Jumping the Party Ship*. Research Paper, (4).
- Scott, W. D. (2002). 'Parties for Rent? Ambition, Ideology, and Party Switching in Brazil's Chamber of Deputies', *University of Arizona, Working Paper*, (Online article), www.u.arizona.edu/~swd/ps1.pdf
- Suhana, S., Ali, S., Novel, L., Selvadurai, S., Zaimah, R., Azima, A.M., & Mohd Yusof, H. (2012). Krisis politik Melayu dan pembinaan negara bangsa. *Malaysia Journal of Society and Space*, 8(9), p. 39-45.
- Stephen Kalong Ningkan v. Tun Abang Haji Openg and Tawi Sli, *The Malayan Law Journal*, [1966] 2 MLJ 187.
- SN 567. (2020). Jijiknya Sistem Demokrasi, Rakyat Terus Dikhianati. (Blog Atas Talian) <https://muslimahhtm.blogspot.com/2020/03/sautun-nahdhah-sn567-jijiknya-sistem.html>. Diakses pada 24 Mac 2020.
- The court of appeal of Malaysia (appellate jurisdiction) civil appeal no. w-01-112-2009.
- The court of appeal of Malaysia (appellate jurisdiction) civil appeal no: 01-11-2009 (W).
- Tun Datu Haji Mustapha bin Datu Harun v Tun Datuk Haji Mohamed Adnan Robert, Yang di-Pertua Negeri Sabah & Datuk Joseph Pairin Kitingan (No 2), *The Malayan Law Journal*, [1986] 2 MLJ 420 (HC).
- The Standard, 21st June 2018. Stop political party hopping, it undermines our democracy. (Artikel Atas Talian) <https://www.standardmedia.co.ke/article/2001284868/stop-political-party-hopping-it-undermines-our-democracy>. Diakses pada 23 Feb 2020.
- Timothy, P. N., & Keith, T. P. (2003). "Congressional Party Defection in American History." *Revise and Resubmit, Legislative Studies Quarterly*.